

EMBARGO: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 27 Julai 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
PRESTASI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)
MALAYSIA 2021

**KDNK PKS merekodkan nilai RM518.1 bilion pada tahun 2021,
bertumbuh 1.0 peratus**

PUTRAJAYA, 27 Julai 2022 – Hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan statistik **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia bagi tahun 2021**. Statistik PKS ini memperincikan sumbangan PKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport dan Guna tenaga.

Ekonomi Malaysia memperoleh semula momentumnya pada tahun 2021, yang mana negara telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Nasional (PPN) dan menarik balik sekatan perjalanan merentas negeri. Pemulihan secara beransur-ansur ini membolehkan usahawan mendapatkan semula momentum perniagaan dan seterusnya memacu pemulihan ekonomi Malaysia.

Selain itu, beberapa langkah rangsangan ekonomi telah diperkenalkan pada tahun 2021 seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi mengurangkan impak ke atas ekonomi yang disebabkan oleh pandemik. Sehubungan itu, pakej rangsangan tersebut membantu menyediakan sokongan kepada PKS dan seterusnya menambah baik landskap ekonomi pada tahun 2021.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi PKS, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "KDNK PKS Malaysia bagi tahun 2021 meningkat 1.0 peratus, lebih perlahan berbanding KDNK Malaysia yang bertumbuh 3.1 peratus. Secara umumnya, pertumbuhan KDNK PKS akan melebihi KDNK Malaysia namun sejak tahun 2020, KDNK PKS telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding KDNK Malaysia. Sumbangan KDNK PKS mengecil kepada 37.4 peratus (2020: 38.1%) dengan nilai ditambah sebanyak RM518.1 bilion."

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang utama yang mana kedua-dua sektor mewakili 83.0 peratus kepada KDNK PKS. Tambahan pula, KDNK PKS meningkat kepada RM572.6 bilion dari segi nominal pada tahun ini berbanding RM547.3 bilion seperti yang dilaporkan pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, prestasi ekonomi PKS pada 2021 masih di bawah paras pra-pandemik 2019.

Melihat kepada prestasi KDNK PKS mengikut jenis aktiviti ekonomi, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Sektor Pembuatan kembali pulih kepada 8.5 peratus daripada penurunan 2.9 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong oleh peningkatan dalam semua subsektor, terutamanya dalam Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang melonjak 14.4 peratus. Begitu juga, nilai ditambah PKS dalam sektor Pertanian berkembang kepada 1.9 peratus daripada negatif 0.7 peratus dipacu oleh pertumbuhan dalam subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan dan pertanian lain."

Namun begitu, nilai ditambah PKS bagi sektor Perlombongan & pengkuarian menguncup 3.1 peratus pada tahun 2021 manakala sektor Pembinaan jatuh 4.6 peratus daripada negatif 15.4 peratus pada tahun sebelumnya. Nilai ditambah PKS bagi sektor Perkhidmatan mencatatkan penyusutan 1.2 peratus daripada negatif 9.0 peratus pada tahun 2020 disumbangkan oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang merosot 5.8 peratus. Namun begitu, kemerosotan ini diimbangi oleh prestasi subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman & penginapan dan subsektor Pengangkutan & penyimpanan & maklumat & komunikasi yang masing-masing bertumbuh 0.5 peratus dan 2.9 peratus.

Eksport PKS

Beliau turut menambah, "Sumbangan eksport PKS kepada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2021 adalah 11.7 peratus, terdiri daripada sektor Pembuatan (9.0%), Perkhidmatan (2.5%) dan Pertanian (0.3%). Eksport PKS pada tahun 2021 pulih kepada 5.4 peratus dengan nilai sebanyak RM124.3 bilion berbanding kemerosotan 33.1 peratus pada tahun sebelumnya, dirangsang oleh sektor Pembuatan (16.7%) dan Pertanian (20.4%). Eksport PKS bagi sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing berjumlah RM95.2 bilion dan RM2.8 bilion. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport PKS bagi sektor Perkhidmatan kekal negatif dengan nilai RM26.2 bilion berbanding RM33.9 bilion pada tahun 2020. Kemerosotan ini disumbangkan oleh kejatuhan dua digit bagi aktiviti perjalanan."

Sektor Pembuatan menyumbang 76.6 peratus kepada jumlah eksport PKS, diikuti sektor Perkhidmatan (21.1%) dan Pertanian (2.3%). Antara subsektor yang mendorong kepada prestasi sektor Pembuatan adalah pelbagai barang keluaran

kilang (RM24.0 bilion), barang-barang keluaran kilang (RM17.3 bilion) dan bahan kimia (RM14.7 bilion). Singapura merupakan destinasi utama eksport PKS dengan sumbangan 18.8 peratus, diikuti oleh China dan Amerika Syarikat dengan sumbangan masing-masing 16.5 peratus dan 10.3 peratus.

Eksport PKS bagi sektor Pertanian adalah RM2.8 bilion dengan sumbangan 2.3 peratus kepada jumlah eksport PKS pada 2021. Sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan 20.4 peratus pada tahun yang sama, didorong oleh peningkatan eksport PKS termasuk buah-buahan, ayam itik dan sayur-sayuran. Di samping itu, eksport PKS bagi durian (termasuk durian segar, durian sejuk beku, ulas dan pes) mencatatkan peningkatan 73.5 peratus pada tahun 2021 kepada RM998.1 juta berbanding RM575.4 juta pada 2020. Destinasi utama eksport durian pada 2021 adalah China (73.8%), Singapura (7.5%) dan Hong Kong (4.8%).

Guna Tenaga dan Produktiviti PKS

Mengulas mengenai situasi guna tenaga PKS, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Keadaan guna tenaga PKS yang lebih baik dilihat pada tahun 2021 berbanding tahun 2020, dengan bilangan guna tenaga PKS meningkat 0.9 peratus kepada 7.32 juta orang. Namun begitu, perbandingan dengan guna tenaga Bukan PKS, peningkatan adalah lebih perlahan apabila Bukan PKS mencatatkan peningkatan 1.7 peratus. Justeru, sumbangan guna tenaga PKS terus berkurangan kepada 47.8 peratus daripada 48.0 peratus yang direkodkan pada tahun 2020."

Mengikut aktiviti ekonomi, guna tenaga PKS meningkat bagi hampir kesemua sektor kecuali sektor Pembinaan yang merosot 0.7 peratus, merangkumi 668 ribu orang atau 48.2 peratus daripada keseluruhan guna tenaga sektor Pembinaan. Sementara itu, guna tenaga PKS dalam sektor Pertanian menyumbang 42.2 peratus atau 791 ribu pekerja, meningkat 1.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Bagi guna tenaga PKS dalam sektor Perlombongan & pengkuarian pula meningkat secara marginal 0.3 peratus, menyumbang 27.9 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam sektor ini.

Melihat kepada guna tenaga PKS dalam sektor Pembuatan, meningkat 2.0 peratus dengan merekodkan sejumlah 1.21 juta orang pada tahun 2021. Walaupun bilangan guna tenaga PKS bagi sektor ini meningkat, sumbangan guna tenaga PKS menyusut sebanyak 0.3 mata peratus kepada 46.2 peratus (2020: 46.5%) disebabkan guna tenaga Bukan PKS meningkat pada kadar yang lebih laju sebanyak 3.1 peratus pada tahun tersebut. Bagi sektor Perkhidmatan, guna tenaga PKS meningkat marginal 0.7 peratus selepas mencatatkan negatif 0.6 peratus pada tahun 2020. Dari segi sumbangan, 49.5 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini, sebahagian besarnya tertumpu dalam Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan (2021: 3.15 juta orang).

Mengulas mengenai produktiviti buruh PKS, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Produktiviti buruh PKS yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat marginal 0.1 peratus berbanding negatif 6.5 peratus pada tahun 2020, merekodkan nilai RM70,827 per pekerja pada tahun 2021. Sektor Pertanian dan Pembuatan mencatatkan peningkatan produktiviti buruh PKS masing-masing 0.4 peratus dan 6.3 peratus. Sementara itu, produktiviti buruh PKS bagi sektor Perlombongan & pengkuarian (-3.4%), Pembinaan (-3.9%) dan Perkhidmatan (-1.8%) kekal dalam trend menurun, namun pada kadar yang lebih perlahan.”

Ketua Perangkawan Malaysia merumuskan bahawa “PKS menunjukkan tanda pemulihan yang positif berikutan kelonggaran sekatan pergerakan dan pembukaan semula aktiviti perniagaan. Tambahan pula, pertumbuhan KDNK, Eksport dan Guna tenaga PKS turut menunjukkan trend pemulihan pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Melihat ke hadapan bagi prestasi PKS pada tahun 2022, dijangka akan meneruskan pertumbuhan positif dengan prospek yang lebih meyakinkan seiring dengan pemulihan ekonomi negara.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27 JULAI 2022

Carta 1

KDNK: Malaysia, PKS dan Bukan PKS pada Harga Malar 2015 – Perubahan Peratusan Tahunan


Pertumbuhan (%)



Nota : ¹Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama KDNK PMKS bagi 2013
²Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2013
³Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama KDNK PMKS bagi 2013
⁴Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2013


Carta 2

KDNK: Malaysia dan PKS pada Harga Malar 2015 – Nilai dan Peratus Sumbangan



Carta 3


Eksport PKS mengikut Sektor - Perubahan Peratusan Tahunan



Carta 4

Guna Tenaga - Bilangan, Peratus Sumbangan dan Perubahan Peratusan Tahunan

Guna Tenaga ('000)




■ Guna tenaga Malaysia
■ Guna tenaga PMKS

■ Guna tenaga Bukan PMKS

□ Sumbangan guna tenaga PMKS kepada jumlah guna tenaga (%)

Perubahan Peratusan Tahunan (%)





PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIA'S SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (SMEs)
PERFORMANCE 2021

***SMEs' GDP recorded a value of RM518.1 billion in 2021,
grew by 1.0 per cent***

PUTRAJAYA, July 27th 2022 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the statistics of **Malaysia's Small and Medium Enterprises (SMEs) for the year 2021**. The SMEs' statistics present the SMEs' contribution to the economy in terms of Gross Domestic Product (GDP), Exports and Employment.

Malaysia's economy regained its momentum in 2021, whereby the country transitioned to Phase 4 of the National Recovery Plan (NRP) and the lifting of inter-state travel restrictions. The gradual recovery will enable entrepreneurs to pick up business momentum, thus fuelling Malaysia's economic recovery.

Besides, several economic stimulus measures were introduced in 2021 such as Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) and Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi Rakyat Malaysia (PERMAI) to cushion the economic impact caused by the pandemic. Hence, the stimulus packages helped to provide support for SMEs and further improve the economic landscape in 2021.

Commenting on the overall performance for SMEs, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Malaysia's SMEs' GDP in 2021 increased 1.0 per cent, slower than Malaysia's GDP which grew 3.1 per cent. Generally, the growth of SMEs' GDP will exceed Malaysia's GDP but since 2020, the SMEs' GDP has recorded slower growth than Malaysia's GDP. The contribution of SMEs to GDP declined to 37.4 per cent (2020: 38.1%) with a value added of RM518.1 billion."

The Services and Manufacturing sectors uphold its position as the main contributors with both sectors represent 83.0 per cent of SMEs' GDP. In addition, SMEs' GDP

increased to RM572.6 billion in nominal terms this year against RM547.3 billion as reported in 2020. Nevertheless, SMEs' economic performance in 2021 was still lower than pre-pandemic levels in 2019.

Looking at the SMEs' GDP performance by kind of economic activity, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "The Manufacturing sector rebounded to 8.5 per cent from a decline of 2.9 per cent in the previous year. This favourable performance was supported by the expansion in all sub-sectors, particularly in Petroleum, chemical, rubber and plastic products which surged by 14.4 per cent. Similarly, the value added of SMEs in the Agriculture sector rose to 1.9 per cent from negative 0.7 per cent driven by growth in Rubber, oil palm, livestock and other agriculture sub-sector."

On the other hand, SMEs' value added in the Mining & quarrying sector contracted 3.1 per cent in 2021 while the Construction sector fell 4.6 per cent as compared to negative 15.4 per cent in the preceding year. The value added of SMEs in the Services sector posted a decline of 1.2 per cent from negative 9.0 per cent in 2020 attributed to the Finance, insurance, real estate and business services sub-sector which deteriorated at 5.8 per cent. Nevertheless, this downturn was offset by performance in Wholesale & retail trade, food & beverages & accommodation and Transportation & storage & information & communication sub-sectors which grew 0.5 per cent and 2.9 per cent, respectively.

SMEs' Exports

He added that, "The contribution of SMEs' exports to the total exports in 2021 was 11.7 per cent, consisted of Manufacturing (9.0%), Services (2.5%) and Agriculture (0.3%) sectors. SMEs' exports in 2021 rebounded to 5.4 per cent with a value of RM124.3 billion as compared to a decline of 33.1 per cent in the preceding year, stimulated by Manufacturing (16.7%) and Agriculture sectors (20.4%). SMEs' exports for Manufacturing and Agriculture sectors valued at RM95.2 billion and RM2.8 billion, respectively. However, SMEs' exports in Services sector remained negative with a value of RM26.2 billion as compared to RM33.9 billion in 2020. The decrease was influenced by a double-digit decline in travel activities."

Manufacturing sector contributed 76.6 per cent to the total SMEs' exports, followed by Services (21.1%) and Agriculture sectors (2.3%). Among the catalyst to the performance of Manufacturing sector were miscellaneous manufactured articles (RM24.0 billion), manufactured goods (RM17.3 billion) and chemicals (RM14.7 billion). Singapore stood as the main destination for SMEs' exports with a contribution of 18.8 per cent, followed by China and the United States with a share of 16.5 per cent and 10.3 per cent, respectively.

SMEs' exports of Agriculture sector was RM2.8 billion with a share of 2.3 per cent to the total SMEs' exports in 2021. Agriculture sector recorded a growth of 20.4 per cent in the same year, driven by the increase in SMEs' exports including fruits, poultry and vegetables. Meanwhile, SMEs' exports of durian (includes fresh, frozen, pulp and paste) registered an increase of 73.5 per cent in 2021 to RM998.1 million as compared to RM575.4 million in 2020. The main export destinations for durian in 2021 were China (73.8%), Singapore (7.5%) and Hong Kong (4.8%).

SMEs' Employment and Productivity

Elaborating on the SMEs' employment situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Better situation of SMEs' employment was observed in 2021 as against to 2020, with the number of employments in SMEs increased by 0.9 per cent to 7.32 million persons. Nevertheless, compared with the Non-SMEs' employment, the improvement was slower, as the Non-SMEs posted an increase of 1.7 per cent. Hence, the share of SMEs' employment reduced further to 47.8 per cent from 48.0 per cent recorded in 2020."

By economic activity, SMEs' employment increased in almost all sectors except for Construction which declined by 0.7 per cent, comprised of 668 thousand persons or 48.2 per cent of Construction's overall employment. Meanwhile, SMEs' employment in the Agriculture sector contributed 42.2 per cent or employed 791 thousand persons, growing by 1.5 per cent as against the previous year. As for SMEs' employment in Mining & quarrying, increased marginally by 0.3 per cent, contributing 27.9 per cent of total employment in this sector.

Looking at the SMEs' employment in the Manufacturing sector, went up by 2.0 per cent to record a total of 1.21 million persons in 2021. Although the number of SMEs' employment for this sector increased, the share of SMEs' employment shrank by 0.3 percentage points to 46.2 per cent (2020: 46.5%) as the Non-SMEs' employment grew at a faster rate of 3.1 per cent during the year. As for the Services sector, the SMEs' employment grew marginally by 0.7 per cent after registering negative 0.6 per cent in 2020. In terms of share, 49.5 per cent of the overall employment in this sector, primarily concentrated in the Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation (2021: 3.15 million persons).

Commenting on SMEs' labour productivity, the Chief Statistician Malaysia said, "SMEs' labour productivity as measured by value added per employment grew marginally by 0.1 per cent as compared to negative 6.5 per cent in 2020, recording a value of RM70,827 per person in 2021. The Agriculture and Manufacturing sectors posted increases in SMEs' labour productivity by 0.4 per cent and 6.3 per cent, respectively. Meanwhile, SMEs' labour productivity in Mining & quarrying (-3.4%), Construction (-3.9%) and Services (-1.8%) sectors remained in a downward trend, albeit at a slower rate."

Chief Statistician of Malaysia concludes that, “SMEs are showing positive signs of recovery with the easing of movement restrictions and reopening of business activities. Furthermore, the growth of GDP, Exports and Employment of SMEs also showed a recovery trend in 2021 as compared to the previous year. Looking ahead to the performance of SMEs in 2022, it is anticipated to continue positive growth with more reassuring prospects in line with the national economic recovery.”

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondent in providing their information and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.


DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27 JULY 2022**

Chart 1

GDP: Malaysia, SMEs and Non-SMEs for 2001-2021 at Constant Prices - Annual Percentage Change



Notes : ¹Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 Old MSMEs' GDP Definition
²Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 New MSMEs' GDP Definition
³Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 Old MSMEs' GDP Definition
⁴Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 New MSMEs' GDP Definition

Chart 2

GDP: Malaysia and SMEs at Constant 2015 Prices - Value and Percentage Share




Chart 3 SMEs' Exports by Sector - Annual Percentage Change





Chart 4 Employment - Number, Contribution and Annual Percentage Change

Employment ('000)



Malaysia's employment
MSMEs' employment

Non-MSMEs' employment

Contribution of MSMEs' employment to total employment (%)

Annual Percentage Change (%)

